

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH : 24.10.2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 58**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana integrasi ekonomi di antara negara Asean mampu untuk membuka peluang kepada perusahaan kecil sederhana negara bagi mempromosikan produk barangan keluaran industri ini ke peringkat yang lebih tinggi.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia adalah merupakan salah satu negara peneraju di dalam usaha untuk mengintegrasikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di peringkat ASEAN seiring dengan pembentukan *ASEAN Economic Community* (AEC). AEC menjadikan rantau ASEAN sebagai pasaran dan pusat pengeluaran tunggal (*single market, single production base*) dengan jumlah perdagangan mencecah USD2.5 trilion dan ramalan pertumbuhan KDNK tahunan melebihi 5% setahun. Bagi PKS tempatan, AEC akan

mengembangkan pasaran daripada sejumlah 30 juta penduduk Malaysia kepada 620 juta penduduk ASEAN. Pewujudan AEC adalah dijangka meningkatkan pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan, modal dan tenaga kerja berkemahiran, sekaligus menarik lebih banyak pelaburan dan memperkasa aktiviti ekonomi di rantau Asia Tenggara.

2. Di bawah tonggak ketiga AEC iaitu Pembangunan Ekonomi Saksama (*Equitable Economic Development*), pembangunan PKS telah dikenal pasti sebagai penting bagi mengurangkan jurang pembangunan antara negara-negara ASEAN. Pada masa ini, PKS di seluruh ASEAN menyumbang sebanyak 88.8% hingga 99.9% dari segi penubuhan syarikat dan menyediakan peluang pekerjaan antara 51.7% sehingga 97.2% tenaga kerja bagi negara-negara ASEAN. Namun demikian, jumlah eksport bagi PKS hanya antara 10 peratus sehingga 30 peratus sahaja. Oleh itu, jelas bahawa PKS mempunyai potensi bagi meningkatkan sumbangan kepada pembangunan ekonomi di rantau ASEAN.

3. Integrasi ASEAN melalui AEC dan keterbukaan kepada ekonomi global melalui Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements*) yang telah ditandatangani telah menarik pelaburan dari syarikat-syarikat multinasional serta syarikat-syarikat besar ASEAN sendiri. Pelaburan-pelaburan ini memberi peluang kepada PKS untuk mengambil bahagian dalam integrasi rangkaian nilai serantau. Selain itu, integrasi ASEAN juga telah meningkatkan persaingan antara PKS dan menggalakkan PKS untuk meningkatkan kadar produktiviti dalam usaha meningkatkan kedudukan di rangkaian nilai serantau serta global. Tambahan pula, PKS di rantau ASEAN juga terus menarik minat pelaburan

syarikat asing kerana kelebihan dari segi kos yang murah, sumber asli yang banyak, peningkatan pengguna berpendapatan sederhana serta kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.

4. Oleh yang demikian, bagi tujuan mengintegrasikan PKS ASEAN, *ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprise (ACCMSME)* telah merangka dan sedang melaksanakan *ASEAN Strategic Action Plan for SME Development 2016 – 2025* atau *SAP SMED 2016-2025*. Di bawah matlamat strategik iaitu akses kepada pasaran antarabangsa, tumpuan diberikan bagi menyediakan PKS dengan sokongan untuk menembusi pasaran luar dan integrasi ke dalam rangkaian nilai global, serta meningkatkan keupayaan eksport PKS. Sasaran utama ialah bagi mewujudkan komuniti perniagaan yang lebih berdaya saing di peringkat serantau.

5. Terdapat PKS di rantau ASEAN yang telah berjaya mengambil peluang daripada integrasi ASEAN dengan mengembangkan perniagaan di peringkat antarabangsa sama ada melalui eksport, francais, pelesenan serta kaitan dengan syarikat multinasional serta pelaburan asing. PKS berkenaan telah berjaya meningkatkan capaian pasaran dan menghubungkan PKS kepada rangkaian nilai serantau dan global yang besar. Hasilnya, PKS tersebut telah meningkatkan daya saing mereka, mempelbagaikan sumber pendapatan serta meningkatkan kadar pertumbuhan negara-negara terlibat. Oleh yang demikian, semua pihak akan mendapat kebaikan sama iaitu PKS dan negara melalui peningkatan kedudukan dalam rangkaian nilai global. Tidak dapat dinafikan bahawa

pembangunan PKS adalah penting bagi mencapai objektif yang terkandung dalam AEC.

6. Selain daripada itu, Kerajaan turut menyediakan pelbagai platform untuk PKS tempatan menjalinkan hubungan perniagaan dengan PKS ASEAN dan syarikat multinasional antarabangsa, contohnya melalui pameran tahunan SMIDEX yang diadakan setiap tahun. Pada tahun hadapan, SMIDEX 2017 akan diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2017 di Kuala Lumpur.